

**Singapura Terus Sokong Usaha Malaysia Cari Pesawat MAS Yang Hilang – PM Lee
Bernama
15 Mac, 2014**

SINGAPURA, 15 Mac (Bernama) – Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong berkata republik itu bersedia menghulurkan sebarang bantuan bagi menyokong usaha Malaysia dan negara-negara lain untuk mencari dan mengesan Penerbangan Malaysia Airlines MH370.

Lee berkata demikian dalam suratnya kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak dan Perdana Menteri Republik Rakyat China Li Keqiang bagi menyampaikan keprihatinan Singapura berhubung pesawat itu.

Teks surat bertarikh semalam dikeluarkan Kementerian Hal Ehwal Luar pada Jumaat.

Dalam suratnya kepada Najib, Lee berkata: “Saya begitu sedih dengan pesawat Malaysia Airlines Penerbangan MH370 yang masih hilang. Bagi pihak rakyat dan kerajaan Singapura, saya melahirkan rasa penuh keprihatinan berhubung keselamatan penumpang dan anak kapal, dan juga solidarity kami dengan keluarga mereka.

“Selepas kami berbual melalui telefon pada 8 Mac, Singapura telah menggerakkan pesawat dan kapal untuk menyertai usaha mencari pesawat yang hilang itu.

“Kami bekerjasama rapat dengan kerajaan Malaysia dalam usaha mencari dan mengesan lokasi, dan berharap pesawat yang hilang itu akan dikesan tidak lama lagi. Seperti yang saya maklumkan kepada anda minggu lepas, kami bersedia memberikan sebarang sokongan yang boleh membantu dalam usaha ini.

Sementara itu, dalam suratnya kepada Perdana Menteri China, Lee berkata: “Sudah hampir seminggu sejak penerbangan MH370 hilang dengan lebih 150 warga China dalam pesawat.

Beliau berkata beberapa orang daripada mereka dilaporkan bekerja atau belajar di Singapura.

“Bagi pihak kerajaan dan rakyat Singapura, saya melahirkan rasa keprihatinan kami yang begitu mendalam bagi penumpang dan keluarga mereka.

“Singapura sedang membantu Malaysia untuk mengesan pesawat yang hilang itu. Kami akan terus membantu usaha yang sedang dijalankan oleh Malaysia dan negara-negara lain termasuk China, untuk mencari pesawat itu secepat yang boleh.

“Ingatan kami sentiasa bersama para penumpang anak kapal dan anggota keluarga dalam masa yang sukar ini,” kata Lee.

Penerbangan MH370, membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, hilang semasa dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing, kira-kira sejam selepas berlepas dari Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 12.41 pagi Sabtu.

Pesawat itu sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari yang sama.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022157>